

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 OGOS 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Sektor Bioekonomi dijangka sumbang RM181.2 Bilion kepada KDNK pada 2030	BERNAMA
2.	MOSTI rancang wujudkan Bandar Angkasa – Abu Bakar	BERNAMA
3.	Banjir diramal berlaku tahun ini tetapi normal – KP MetMalaysia	BERNAMA
4.	Helipad dibina di Pulau Perhentian Kecil hadapi tengkujuh	BERNAMA
5.	Amaran angin kencang, laut bergelora hingga Rabu	BERNAMA
6.	Malaysia bebas gempa bukan lagi jaminan	Berita Harian
7.	2 jambatan hanyut	Harian Metro
8.	CCTV syok sendiri	Berita Harian
9.	Pancuran tahi bintang paling panjang kelihatan Rabu ini - Angkasa	BERNAMA
10.	Sejam pancuran ‘ meteor perseid’	Harian Metro
11.	Kerjasama D'yom Herbs kukuhkan kedudukan TPM Biotech sebagai peneraju industri herba	BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 8 OGOS 2015 (SABTU)



Sektor Bioekonomi Dijangka Sumbang RM181.2 Bilion Kepada KDNK Pada 2030

KANGAR, 8 Ogos (Bernama) -- Sektor bioekonomi negara dengan kadar pertumbuhan diunjurkan 15 peratus, dijangka menyumbang sehingga RM181.2 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2030.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau berkata pasaran global untuk ekstrak semulajadi sahaja dianggarkan mencecah RM300 bilion pada tahun 2020.

"Perkembangan ini perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh usahawan dalam sektor tersebut," katanya pada [pelancaran Karnival Halal, Herba dan Bioteknologi Zon Utara 2015 di TPM Biotech Sdn Bhd \(TPM Biotech\) di Sungai Batu Pahat](#), dekat sini Sabtu.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) kementerian tersebut, Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Negeri, Ahmad Bakri Ali mewakili Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man merasmikan karnival tersebut.

Madius berkata bio-ekonomi menyumbang RM120.8 bilion atau 12.2 peratus daripada jumlah KDNK negara pada 2013 berbanding RM106.7 bilion pada 2010.

Katanya nilai itu merangkumi sumbangan sektor ekonomi yang mendapat manfaat hasil penggunaan teknologi berdasarkan bio seperti pertanian, pengeluaran kimia, minyak dan pemprosesan lemak.

"Bagi memastikan usahawan kita menguasai pasaran, penting untuk mereka memahami keperluan pasaran dari segi pembangunan produk dan kualiti, trend pasaran serta faktor lain yang kritikal termasuk faktor halal.

"Ini penting kerana pasaran global produk halal bernilai lebih RM6.9 trillion (US\$2.3 trillion). Daripada jumlah ini, makanan dan minuman halal sahaja bernilai kira-kira RM2.1 trillion atau 30.4 peratus," katanya.

Beliau juga berkata TPM Biotech ditubuhkan untuk memberi nasihat profesional dan menyediakan kepakaran kepada usahawan bioteknologi selain memberi nilai tambah kepada produk yang dihasilkan.

Sementara itu, dalam ucapannya, Ahmad Bakri berkata penubuhan TPM Biotech di Sungai Batu Pahat di sini selaras dengan perancangan kerajaan negeri untuk menjadikan Perlis hab halal berikutan sektor pertanian yang menyumbang 35 peratus kepada KDNK negeri.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 8 OGOS 2015 (SABTU)



Mosti Rancang Wujudkan Bandar Angkasa - Abu Bakar

MELAKA, 8 Ogos (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** merancang mewujudkan sebuah bandar angkasa atau 'Space City' di negara ini bagi mendalami kajian dalam bidang aeroangkasa, kata **Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.**

Beliau berkata MOSTI sudah membentangkan kertas cadangan peringkat awal bagi inisiatif tersebut dan telah mengenal pasti kawasan untuk dijadikan bandar angkasa itu.

"Kita cadang wujudkan bandar angkasa ini di kawasan Pantai Timur Semenanjung sebagai lokasi penyelidikan yang lebih utama dalam hal-hal berkaitan penerokaan angkasa.

"Kita harap perkara ini akan diumumkan oleh kerajaan dalam tempoh setahun daripada sekarang," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan diploma kepada 362 graduan pada Majlis Konvokesyen Politeknik Melaka kali ke-14 di Dewan Tun Ali, Bukit Katil di sini.

Turut menerima anugerah ialah dua graduan terbaik bagi dua sesi itu iaitu Chee Kien Wah lepasan Diploma Akauntansi sesi Disember 2013 dan Muhammad Wiranata Haris dalam Diploma Kejuruteraan Mekanikal bagi sesi Jun 2014.

-- BERNAMA



Banjir Diramal Berlaku Tahun Ini Tetapi Normal - KP MetMalaysia



Datuk Che Gayah Ismail

BESUT, 7 Ogos (Bernama) -- Banjir diramal tetap berlaku di beberapa negeri termasuk di pantai timur pada akhir tahun ini tetapi tidak seburuk yang berlaku pada tahun lalu, kata Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail.

Katanya, jabatannya akan terus memantau dan akan melaporkan data ramalan terkini kepada orang ramai agar penduduk terutama di persisiran pantai dapat bersedia menghadapi keadaan yang berlaku nanti.

"MetMalaysia akan mula memberi taklimat kepada pihak berkuasa negeri-negeri tentang perkembangan semasa cuaca, mulai Oktober supaya semua pihak mampu bersedia menghadapi ancaman bencana alam itu," katanya kepada pemberita sempena Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti Daerah Besut di sini Jumaat.

Dalam perkembangan berasingan, Che Gayah berkata fenomena El-Nino yang dikesan berada di kawasan timur laut Pasifik buat masa ini berada dalam keadaan lemah yang tidak akan memungkinkan cuaca monsun timur laut ekstrim berlaku di negara ini.

Katanya, seperti pada tahun lalu, walaupun ramalan menunjukkan fenomena El-Nino kuat dijangka melanda negara tetapi sebaliknya ia tidak terjadi.

"Justeru keadaan ini tidak akan memungkinkan banjir peringkat ekstrim daripada terjadi seperti yang terjadi pada tahun lalu," katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 8 OGOS 2015 (SABTU)



Helipad Dibina Di Pulau Perhentian Kecil Hadapi Tengkujuh

BESUT, 7 Ogos (Bernama) -- Sebuah tapak pendaratan helikopter (helipad) akan dibina di kawasan penempatan penduduk di Pulau Perhentian Kecil dalam menghadapi musim tengkujuh yang lazimnya berlaku hujung tahun. Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Besut,

Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman berkata kawasan pendaratan helikopter itu penting berada di kawasan penempatan penduduk di Pulau Perhentian Kecil, bagi memudahkan penghantaran bekalan makanan dan tugas-tugas menyelamat. "Fenomena ombak besar tahun lalu, bekalan makanan yang dihantar melalui pendaratan helikopter di Pulau Perhentian Besar gagal disampaikan untuk penduduk di Pulau Perhentian Kecil, sebab itu kami memutuskan untuk membina satu di sana," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Bernama ketika ditemui pada Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti Daerah Besut yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail di sini.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya masih menunggu kelulusan kerajaan negeri Terengganu bagi mengeluarkan peruntukan khas untuk pembinaan helipad itu. Tengku Zaihan berkata Program Pengurusan Bencana itu diadakan bagi memberi kesedaran kepada penduduk Kuala Besut yang setiap tahun menghadapi fenomena ombak besar di beberapa buah kampung yang berada di tepi pantai agar tidak mudah panik dan lebih bersedia.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 8 OGOS 2015 (SABTU)



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Hingga Rabu



Gambar Hiasan

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora diramal melanda perairan negara dan kawasan sekitarnya sehingga Rabu.

Menurut **Jabatan Meteorologi**, angin kencang barat daya dengan kelajuan antara 40 hingga 50 kilometer sejam (km/sj) dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter yang berlaku di kawasan Perairan Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah (Pantai Barat dan Kudat) dijangka berterusan hingga Rabu.

Angin kencang barat daya dengan kelajuan 40-50 km/sj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter di perairan Labuan dan Sulu juga dijangka berterusan sehingga Rabu, menurutnya dalam kenyataan di sini.

Keadaan itu adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

Sementara itu, angin kencang barat daya dengan kelajuan 50-60 km/sj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter di kawasan perairan Phuket, Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan dijangka berterusan sehingga Rabu.

"Keadaan itu berbahaya untuk aktiviti perkapalan dan pantai, menangkap ikan dan perhidmatan feri," menurut kenyataan itu.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (RENCANA): MUKA SURAT 34
TARIKH : 08 OGOS 2015 (SABTU)

34 • RENCANA

© SABTU 8 OGOS 2015

BH

Malaysia bebas gempa bukan lagi jaminan




MONA AHMAD

mona@bh.com.my



INFO

Proses penjunaman kerak lautan Indo-Australia ke bawah Plat Sunda sepanjang Pepirit Sumatera



Rakyat perlu dididik mengenai keselamatan, persediaan hadapi bencana

a tiba tanpa amaran. Hadirannya juga tidak dijangka dan diketahui masa serta tempat berlaku. Dengan teknologi seanggih mana pun dicipta, manusia belum mampu meramal dengan tepat waktu atau tempat bakal berlakunya gempa bumi. Jepun, negara yang sentiasa berdedpat dengan kejadian gempa bumi, termasuk berskala besar, hanya mampu meramal bencana itu menerusi sistem amarannya tujuh saat sebelum ia berlaku.


Malaysia yang dikatakan berada di kawasan berisiko rendah terhadap gempa bumi, tidak terlepas dari kini terdedah kepada risiko bencana itu kerana berada tidak jauh dari zon yang selalu berlaku gempa. Kesannya, Jun lalu, negara dikejutkan dengan kejadian ini yang berlaku di Sabah. Tanpa sebarang petunjuk, tentunya tidak terlintas langsung di fikiran khususnya penduduk di Ranau dan pendaki yang sedang melakukan aktiviti pendakian di Gunung Kinabalu bawah mereka akan menerima malapetaka berkenaan pada pagi 5 Jun lalu.

Gempa bumi berskala 5.9 magnitud itu menggegerkan bumi Ranau, meragut 18 nyawa, memusnahkan harta benda dan meruntuhkan tandu Gunung Kinabalu, puncak yang dikenali sebagai Donkey Ear. Apa pun, sejak kebakaran ini beberapa bukti menunjukkan Semenanjung juga bukan lagi selamanya bebas dari risiko gegeran dan gempa bumi.

Pensyarah Geologi Struktur dan Teknik, Jabatan Geologi, Universiti Malaya, Prof Madya Mustaffa Kamal Shuib, berkata sehingga kini, lebih banyak bukti kukuh menunjukkan andaian awal Malaysia bebas daripada gempa bumi adalah sesuatu yang tidak tepat.

"Malaysia dikelilingi Lingkaran Api Pasifik, kawasan gempa bumi dan aktiviti gunung berapi hebat. Walaupun kita berada di luar jalurannya, se-

Taburan titik gempa di Semenanjung tahun 2007 -2013



SAMBUNGAN...

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN (RENCANA): MUKA SURAT 36

TARIKH : 08 OGOS 2015 (SABTU)

BH 8 OGOS 2015 • SABTU

RENCANA • 35

benarinya kedudukan kita agak hampir. Ini bermakna apa yang berlaku sepanjang lingkaran itu, negara akan merasainya. Malah, dengan kedudukan zon itu yang hanya 450 kilometer dari Kuala Lumpur dan 1,000 kilometer dari Kota Kinabalu, sudah tentu negara seolah-olah dihimpit lingkaran ini. Tetapi di Sabah ia lebih kompleks berbanding Semenanjung kerana terdapat banyak zon aktif di sekitarnya," katanya.

Jelasnya, Malaysia dikelilingi kerak bumi (plat) tetonik dan negara berada di kerak bumi dikenali sebagai Plat Sunda. Plat Sunda juga berjiran dengan kerak bumi Indo-Australia dan Filipina-Pasifik. Lebih mengejutkan, Plat Indo-Australia bergerak tujuh sentimeter (sm) setahun menjunam dan menghimpit Plat Sunda. Di sebelah timur pula, Plat Filipina-Pasifik sedang bergerak menghimpit Sabah dan Sarawak pada kadar 10sm setahun.

Katanya, apabila berlaku interaksi antara kerak bumi ini, perapit lautan akan membentuk yang lazimnya kedalamannya melebihi satu kilometer. Perapit lautan adalah kawasan dalam yang membagikan lautan dan benua. Perapit berhampiran negara termasuk Perapit Sumatera, Jawa dan Filipina dan yang paling dalam di dunia adalah Perapit Marianas, iaitu 11 kilometer.

Geseran hasilkan gempa

"Justeru, gempa bumi dan aktiviti gunung berapi berlaku di sepanjang dan sempadan perapit. Apabila berlaku, pergerakan plat lautan menjunam ke bawah plat benua, maka geseran berlaku menghasilkan gempa bumi. Semakin ke dalam perapit gempa bumi berlaku, semakin lemah geseran dirasai," katanya.

Gempa bumi banyak berlaku di sepanjang sempadan plat, iaitu di Lingkaran Api Pasifik. Di Aceh misalnya, gempa bumi yang terjadi berurutan melebihi sembilan kali Richter. Selain itu, Padang, Indonesia, juga pernah ditimpa bencana sama dengan kadar lebih kurang sama. Ini adalah gempa bumi yang berlaku di sepanjang jalur aktif.

"Kita tetap merasai gegaran walaupun kedudukan negara jauh dari kawasan berkenaan ditambah dengan Sumatera sebagai zon penampang jika gempa bumi berskala besar berlaku di sepanjang jalur itu. Begitu juga di Sabah, walaupun punca jauh tetapi gegaran dapat dirasai. Keadaan ini dikenali sebagai gempa bumi dan punca yang jauh.

"Di Semenanjung tiada punca gempa bumi sebelum tahun 2004, tetapi kita turut merasai gegaran terutama apabila gempa bumi bersal dari Sumatera. Berdasarkan aktiviti gempa bumi di Sumatera dan gegaran diterima, Semenanjung diletakkan dalam zon yang gegarannya berskala lima hingga enam iaitu

dalam zon sederhana dan kuat," kata-nya.

Kajian di Indonesia mendapati, jika berlaku gegaran di Semenanjung potensi untuk kemusnahan bangunan adalah rendah. Jabatan Meteorologi dalam kajian mereka juga menjurus kepada keputusan sama, iaitu antara dua hingga lima skala gegarannya.

Mustaffa berkata, hampir keseluruhan bangunan di Malaysia kecuali Menara Berkembar PETRONAS (KLCC) dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (SAHMS) Pulau Pinang tidak mempunyai daya ketahanan gempa, tidak seperti negara di rantau ini seperti Jepun, Filipina dan Indonesia.

Kebanyakannya bangunan di Malaysia tidak dibina dengan ciri rintangan gempa bumi. Selagi tiada gempa bumi kuat seperti di Indonesia, Jepun atau Filipina, kebanyakannya bangunan di negara ini masih kukuh untuk menangani gempa bumi sederhana jika ia dibina mengikut spesifikasi ditetapkan.

"Namun, jika ada bangunan tinggi tidak mempunyai ciri yang boleh menyerap gegaran ada kemungkinan kemusnahan boleh menjadi besar walaupun gegaran kecil. Walaupun risiko rendah, kita tidak boleh rasa selesa kerana risiko tetap ada," katanya.

Mustaffa berkata, sebelum tahun 2004, apabila pergerakan tetonik membabitkan Plat Indo-Australia menjunam ke bawah Plat Sunda dan Plat Filipina turut menjunam ke bawah Sabah dan Sarawak. Plat Sunda bergerak ke arah timur akibat himpitan. Dalam keadaan ini Malaysia bergerak ke arah timur.

"Akibat pergerakan ke timur, Plat Sunda mengalami putaran secara mengikut jam. Ketika berlaku gempa bumi mega pada tahun 2004 di Aceh, kajian mendapati keadaan menjadi terbalik yang mana tanah Semenanjung bergerak ke arah barat menghampiri pusat gempa di Aceh dengan pergerakan antara lima hingga 20sm.

Kenalkan permukaan bumi

"Mungkin kita rasa pergerakan ini kecil tetapi jika mengikut pandangan saintifik ia adalah sesuatu yang besar. Apabila pergerakan berlaku secara berterusan ia menyebabkan kenaikan permukaan bumi. Batu karang misalnya, yang berada di dasar laut turut terdedah di muka bumi, terutama di Aceh."

"Ini bermakna Plat Sunda kini mengalami perubahan bentuk. Ia

sentiasa menyerap tenaga dan tekanan akibat pergerakan di sempadan kerak bumi. Pergerakan ini tidak berhenti sewaktu gempa bumi Aceh tetapi berterusan sehingga sekarang," katanya.

Akibatnya, sejak tahun 2004, negara mula menghasilkan gempa bumi yang berasal dari Semenanjung sendiri bukan dari negarajiran. Ini terjadi apabila bumi menyahakan tekanan itu dengan mengalami retakan melalui satah (tempat) yang lemah. Ia terjadi di satah yang ada bukti rekahan yang terbentuk pada zaman dahulu kala yang dipanggil gesar.

Rekah lama akan bergerak semula dan gelinciran yang berlaku pada sesar lama ini boleh menghasilkan gempa bumi. Di Semenanjung, sejak tahun 2004 gempa bumi berlaku yang puncanya berbasal dari negara ini sendiri, misalnya di Bukit Tinggi dan Janda Baik. Sebanyak 31 gegaran direkodkan Jabatan Meteorologi yang berskala sehingga 3.6 Richter.

Selain itu, 24 gempa berSkala 1.7 hingga 4.2 magnitud dikesan pada tahun 2007 hingga 2009 di Bukit Tinggi, Pahang; satu di Jerantut, Pahang pada tahun 2009 berSkala 3.2 magnitud; Manjung, Perak (2.9 magnitud) dan empat di Kuala Pilah, Negeri Sembilan (2.6 hingga 3.2 magnitud) pada tahun sama. Lima gempa bumi dikesan di Empangan Kenyir, Terengganu dengan skala 4.1 magnitud masing-masing pada tahun 1985 dan 2010.

Satu gempa bumi dikesan di Mersing, Johor dengan skala 3.2 magnitud pada tahun 2012 dan di Bali, Kedah dengan skala 3.8 magnitud pada tahun 2013. Semua ini berpunca daripada bawah Semenanjung sendiri.

Antara geseran yang besar di Malaysia adalah Sesar Bokbak di utara, Sesar Bentong di tengah, Sesar Lebir di timur, Sesar Bukit Tinggi, Sesar Kuala Lumpur, Sesar Jelebu dan Sesar Mersing.

Kajian mendapati, geseran besar ini terletak berhampiran pusat gempa. Di Bali, Kedah, misalnya, gempa yang berlaku pada tahun 2012, pusat gemparnya berada di atas Sesar Bokbak.

"Di sini, kita tafsirkan geseran lama sudah mengalami pergerakan semula dan menghasilkan gempa bumi yang dirasai di Semenanjung. Inilah punca gempa bumi setempat di Semenanjung," katanya.

Bagaimanapun, senario berbeza berlaku di Sabah dan Sarawak. Lebih 20 gempa bumi dikesan di Sarawak dan lebih 90 lagi di Sabah sejak tahun 1874. Antara gempa utama yang mengakibatkan kemusnahan adalah gempa bumi Lahad Datu pada tahun 1976; gempa bumi Ranau pada tahun 1991 dan Miri pada tahun 2004. Gempa bumi yang mengakibatkan tanah runtuh di Ranau berlaku pada 26 Mei 1991 dengan skala 5.3 magnitud dan terbaru pada Jun lalu dengan kekuatan 5.9 magnitud.

"Di Sabah kita rasai gegaran sejauh Filipina dan ada juga gempa bumi setempat. Umpamanya, Ranau yang menghasilkan magnitud 5.9 menyebabkan malapetaka berlaku apabila merugikan 18 nyawa dan banjir lumpur yang berlaku akibat pergerakan semula sesar yang memotong Gunung Kinabalu," katanya.

Plat sedang mengalami serapan tekanan dari plat sekelling. Pergerakannya menyebabkan stres (tekanan) dan ia boleh pecah seperti peruk tekaran apabila sampai waktu, diidhannya ia akan mengeluarkan bunyi.

"Umpama pesakit dari tanggi yang kadar tekaran darahnya meningkat sehingga boleh menyebabkan pembuluh darah pecah dan berkemungkinan berakhir dengan strok, itulah keadaan apabila bumi sudah tidak lagi dapat menahan tekanan dan terpaksanya membebaskannya," katanya.

Dalam menangani hal ini katanya, orang ramai perlu dididik mengenai keselamatan dan persediaan menghadapi gempa bumi. Sudah tiba masaanya pihak berkua semula peraturan pembinaan bangunan dengan memasukkan ciri rintangan gempa bumi bagi meminimumkan kesan akibat bencana itu jika ia berlaku dengan skala lebih besar.

Bukan itu sahaja, kempen dan program kesedaran perlu dijalankan secara berturun bagi meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai ciri keselamatan dan perkara yang perlu dilakukan apabila berlaku gempa bumi.

Amaran awal gempa seperti yang dilaksanakan di negara seperti Jepun boleh dipertimbangkan termasuk menggunakan ke mudahan telefon bimbit.

2 JAMBATAN HANYUT

■ 700 penduduk di Kampung Malangkap Baru dan Melangkap Tiong terputus hubungan dilanda banjir lumpur

Oleh Junaidi Ladjana
junaidi_ladjana@hmetro.com.my
Kota Belud

Hujan lebat berterusan sejak Isnin lalu menyebabkan dua jambatan termasuk satu daripadanya yang baru dibina di Kampung Malangkap, di sini, semalam dihanyutkan banjir lumpur.

Kejadian disedari kira-kira jam 7 pagi itu menjelaskan kira-kira 800 penduduk di Kampung Malangkap Baru dan Melangkap Tiong yang turut terputus hubungan.

Tinjauan Harian Metro mendapati, kebanyakannya jalan raya di dua perkampungan itu dipenuhi lumpur manakala satu jambatan besi yang baru dibina turut dihanyutkan banjir berikutan limpahan air dari Sungai Kadamaian.

Bagaimanapun, sehingga kini tiada sebarang perpindahan penduduk dilakukan dan beberapa agensi penguatkuasaan ditempatkan di lokasi kejadian bagi pemantauan.

Kejadian turut menyebabkan Sekolah Kebangsaan (SK) Malangkap ditutup sebagai langkah berjaga-jaga.

Pegawai Daerah Kota Belud Abdul Gari Itam berkata, banjir lumpur diperincayai berpunca akibat hujan lebat melanda negeri ini sejak beberapa hari lalu.

"Keadaan ini menyebabkan penduduk di dua perkampungan berhampiran kaki Gunung Kinabalu terjejas manakala sebuah sekolah rendah ditutup selain dua

jambatan yang baru dibaik pulih dihanyutkan banjir.

"Selain itu, sebuah inap desa turut digenangi lumpur, tetapi tiada kemalangan jiwa dilaporkan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Abdul Ga- ri, penduduk diarahkan bersiap se-dia dan berwaspa-da selain berpin-dah ke Kawasan selamat sekiranya keadaan semakin buruk.

Pemangku Ketua Balai Bomba dan Penye-lamat (BBP) Kota Belud Johnny Guston ketika dihubungi memak-lumkan, sehingga kini tiada pen-duduk dipindahkan dan keadaan sungai masih terkawal.

"Bomba masih menjalankan pe-mantauan di lokasi kejadian selain memaklumkan kepada penduduk mengenai arahan berpindah jika keadaan tidak terkawal.

"Namun, sehingga kini, banjir lumpur yang melanda di Kawasan itu masih terkawal dan bomba me-nempatkan anggota bagi peman-tauan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Sabah Abdul Malik Tussin berkata, hujan dan ribut petir di beberapa daerah di negeri ini dijangka berterusan sehingga esok.

"Keadaan ini berlaku disebabkan tempias Taufan Soudelor yang membawa angin kencang berke-lajuan 40 hingga 50 kilometer se-jam (km/j) selain ombak mencapai ketinggian 3.5 meter di perairan pantai barat, Kudat serta Labuan.

FAKTA
Hujan dan ribut petir di beberapa daerah di Sabah dijangka berterusan sehingga esok



KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 1
TARIKH : 08 OGOS 2015 (SABTU)



CCTV SYOK SENDIRI

// KEBANYAKAN KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) yang dipasang di kawasan perumahan, tempat awam dan premis perniagaan berkualiti rendah buatan China, Taiwan

// STATISTIK CYBERSECURITY MALAYSIA dapti sejak tahun 2013, 51 kes jenayah termasuk berprofil tinggi gagal ketika pendakwaan di mahkamah kerana rakaman CCTV tak dapat mengecam suspek

● Ikuti laporan Che Wan Badrul Alias dan Wan Noor Hayati Wan Alias DI MUKA 12

SAMBUNGAN...
KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 12
TARIKH : 08 OGOS 2015 (SABTU)

CCTV berkualiti rendah 'sekadar ada'

» *Gagal menangkap, membuktikan kesalahan suspek*

Oleh Che Wan Badrul Alias dan Wan Noor Hayati Wan Alias
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kebanyakannya kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di kawasan perumahan, tumpuan awam, lokasi berisiko jenayah, premis kerajaan, perniagaan dan perbankan, didapati berkualiti rendah yang diberikan dari China dan Taiwan.

Lebih membimbangkan, CCTV berkualiti rendah itu disifatkan 'sekadar ada' dan tidak berupaya merakam suspek dengan jelas di lokasi tumpuan awam termasuk di kawasan berisiko jenayah seperti bank.

Berikut itu, pihak berkuasa sering berdepan kesukaran menyelesaikan kes dengan bantuan CCTV.

Jejas siasatan

Naib Presiden Khidmat Tindak Balas, CyberSecurity Malaysia (CSM), Dr Aswami Ariffin, ketika mendahkannya kepada BH, berkata produk berkualiti rendah itu menjelaskan pengesanan, siasatan dan pendakwaan kes kerana imej rakamannya gagal mengacau suspek secara jelas.



Rakaman CCTV berkualiti rendah **gagal merakam imej dengan jelas** sekali gus sukar bagi pihak berkuasa mengenal pasti dan mendakwa penjenayah.

[FOTO HIASAN]

Katanya, sebanyak mana pun CCTTV ditempatkan di se suatu premis dan lokasi, ia tidak banyak membantu pihak berkuasa kerana fungsinya hanya sekadar untuk menakutkan penjenayah tetapi gagal 'menangkap' dan 'membuktikan' kesalahan suspek ketika perbicaraan.

Malah, mengikut statistik CSM sejak tahun 2013, 51 kes jenayah, termasuk kes berprofil tinggi gagal dari segi teknikal ketika suspek dihadapkan ke mahkamah.

Dr Aswami berkata, agensi itu dengan kerjasama polis, terbabit secara langsung menjalankan analisis forensik CCTV kes jenayah berprofil tinggi, antaranya

pembunuhan jejam kanak-kanak berusia lapan tahun, Nurin Jazlin, pada Ogos 2007.

Katanya, kualiti CCTTV yang rendah itu menyebabkan pakar forensik sukar mengenal pasti dan mendakwa penjenayah walau pun ada bukti dan saksi sokongan.

Sebagai contoh, satu kes penderaan membabitkan kanak-kanak berusia setahun yang disyaki didera pembantu rumah warga Indonesia di Tanjung Malim beberapa tahun lalu, gagal didakwa berikutan kelemahan itu.

"Ini menyebabkan suspek dibebaskan selepas tempoh reman tamat, manakala dalam beberapa kes lain, pihak berkuasa tidak

dapat membuat tangkapan kerana CCTTV di lokasi kejadian tidak bermutu," katanya.

Cam petanda lain

Beliau berkata, rakaman CCTTV berkualiti tinggi mampu mengecam petanda lain pada baju penjenayah atau tutu serta parut pada badan walaupun mereka memakai topi keledar bertutup penuh atau topeng ketika melakukannya siasatan.

"CCTV berkualiti tinggi juga menggunakan kamera beresolusi melebihi lima mega pixel yang dihubungkan dengan sistem pesegan global (GPS), tiada had masa penyimpanan data dan boleh bertindak sebagai 'robot' yang



Aswami Ariffin

terus merakamkan tindakan luar biasa orang ramai dan menghantar amaran awal kepada pemilik bangunan atau pegawai yang menyelia CCTTV secara terus.

"Berbeza dengan CCTTV berkualiti rendah, ia menggunakan resolusi rendah dengan penyimpanan data terhad bagi tempoh tertentu dan gambar yang kabur," katanya.

CCTV bermutu, kos murah

Sehubungan itu, Aswami berkata, pihaknya sudah mencadangkan kepada pihak berkuasa memasang CCTTV bermutu tinggi dengan kos murah bagi memenuhi konsep Bandar Selamat selaras hasrat kerajaan, pada tahun depan.

"Kerajaan juga dicadangkan menetapkan standar dalam kualiti video CCTTV tetapi yang paling penting, CSM boleh buat analisis forensik untuk lengkapkan siasatan."

"CSM memiliki kapakaran membaik pulih data rakaman yang sudah dimusnahkan di lokasi jenayah, selain meningkatkan mutu kualiti gambar sehingga 20 peratus mengikut standard ditetapkan," katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 8 OGOS 2015 (SABTU)



Pancuran Tahi Bintang Paling Panjang Kelihatan Rabu Ini - Angkasa

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia buat pertama kali berpeluang menyaksikan pancuran tahi bintang 'meteor perseid' selama satu jam mulai Rabu malam hingga awal pagi Khamis.

Pegawai Penyelidikan Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Mohd Redzuan Tahar berkata pancuran itu berlaku akibat serpihan debu ekor komet '109P/Swift-Tuttle' memasuki atmosfera bumi pada kelajuan lebih kurang 212,500 kilometer sejam.

"Ia akan menyebabkan serpihan batuan ini terbakar dan menghasilkan jaluran tahi bintang yang panjang. Diramalkan 60 tahi bintang boleh dilihat dalam masa satu jam itu," katanya kepada Bernama.

Beliau menjelaskan kewujudan pancuran tahi bintang itu boleh berlaku di mana sahaja pada bahagian langit tanpa arah tertentu.

Pancuran meteor itu telah bermula sejak 17 Julai lalu dan dijangka berakhir pada 24 Ogos ini, tambahnya.

Mohd Redzuan berkata tahun ini kebarangkalian untuk melihat meteor itu amat tinggi kerana diramal tiada cahaya bulan yang akan mengganggu langit kerana bulan hanya akan terbit pada awal pagi Selasa.

"Namun sekiranya cuaca mendung, kebarangkalian untuk melihat meteor itu agak rendah," katanya dan menambah waktu terbaik untuk melihat pancuran meteor itu adalah antara pukul 8 malam hingga awal pagi sebelum bulan dan matahari terbit.

Pilih lokasi yang jauh dari pencemaran cahaya seperti lampu jalan atau bangunan, katanya.

Beliau berkata orang ramai boleh berkongsi pengalaman mereka mengenai jumlah tahi bintang yang dilihat, keadaan cuaca dan gambar di media sosial dengan menghantar hashtag ke #PerseidMeteorShowerMY #PerseidMY.

Maklumat lanjut mengenai fenomena meteor itu boleh dilayari di laman web www.angkasa.gov.my, atau Facebook: Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) atau Twitter: ANGKASA Malaysia.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 48
TARIKH: 08 OGOS 2015 (SABTU)

Sejam pancuran ‘meteor perseid’

Kuala Lumpur: Rakyat Malaysia buat pertama kali berpeluang menyaksikan pancuran tahi bintang ‘meteor perseid’ selama satu jam mulai Rabu malam hingga awal pagi Khamis.

Pegawai Penyelidikan Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) Mohd Redzuan Tahar berkata, pancuran itu berlaku akibat serpihan debu ekor komet ‘109P/Swift-Tuttle’ memasuki atmosfera bumi pada kelajuan kira-kira

212,500 kilometer sejam.

“Ia akan menyebabkan serpihan batuan ini terbakar dan menghasilkan jaluran tahi bintang yang panjang. Diramalkan 60 tahi bintang boleh dilihat dalam masa satu jam itu,” katanya.

Beliau menjelaskan kewujudan pancuran tahi bintang itu boleh berlaku di mana saja pada bahagian langit tanpa arah tertentu.

“Pancuran meteor itu bermula sejak 17 Julai lalu

dan dijangka berakhir pada 24 Ogos ini,” katanya.

Mohd Redzuan berkata, tahun ini kebarangkalian untuk melihat meteor itu amat tinggi kerana diramal tiada cahaya bulan yang akan mengganggu langit kerana bulan hanya akan terbit pada awal pagi Selasa.

“Namun sekiranya cuaca mendung, kebarangkalian untuk melihat meteor itu agak rendah,” katanya. —BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 8 OGOS 2015 (SABTU)



Kerjasama D'yom Herbs Kukuhkan Kedudukan TPM Biotech Sebagai Peneraju Industri Herba

KANGAR, 8 Ogos (Bernama) -- **Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM)** mengukuhkan lagi kehadirannya sebagai peneraju industri herba wilayah utara terutama di Perlis apabila bekerjasama dengan pengeluar minuman herba tempatan, D'yom Herbs Sdn Bhd, bagi membangunkan produk berkenaan.

TPM, melalui anak syarikatnya TPM Biotech Sdn Bhd (TPM Biotech) hari ini menandatangani perjanjian kerjasama dengan D'yom Herbs untuk membantu syarikat itu dalam aspek penyelidikan dan pembangunan, pengeluaran serta teknologi pembuatan.

Perjanjian itu disaksikan oleh Pengurus Jawatankuasa Pertanian negeri, Ahmad Bakri Ali, yang mewakili menteri besar, sempena pembukaan Karnival Halal, Herba dan Bioteknologi Zon Utara 2015 di TPM Biotech Sungai Batu Pahat, di sini, Sabtu.

D'yom Herbs diwakili Pengurus Eksekutif, Datuk Halim Yom manakala **TPM Biotech diwakili Pengurus, Datuk Ir Mohd Azman Shahidin yang juga Presiden dan Ketua Pegawai Esekutif TPM.**

Mohd Azman berkata TPM Biotech berharap kapasiti operasi Pusat Biotek Herba TPM di sini dapat ditingkatkan sepenuhnya susulan kerjasama dengan D'yom Hebs.

Pusat bernilai RM21 juta yang mula beroperasi pada akhir 2012 sebelum ini hanya beroperasi dengan keupayaan 60 peratus, katanya.

"Sejak TPM Biotech ditubuhkan, kami membantu membangunkan 80 produk minuman herba dan produk berasaskan bahan semulajadi. Daripada jumlah itu lebih 50 produk berjaya dikomersialkan," katanya.

Mengenai karnival selama dua hari itu, Mohd Azman berkata ia bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan herba dan membantu pertumbuhan herba, sektor halal dan bioteknologi, dan peluang perniagaan yang ditawarkan di wilayah utara terutama di Perlis.

Sebanyak 40 gerai mempamerkan produk herba dan bioteknologi untuk dikunjungi orang ramai selain boleh mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan TPM Biotech.

-- BERNAMA